

## Tindakan tegas jika naik harga topeng muka



**PENIAGA bakal berdepan tindakan tegas jika menaikkan harga topeng muka. FOTO NSTP**

**Muhaamad Hafis Nawawi**  
mhafis@hmetro.com.my

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga topeng muka secara tidak munasabah susulan wabak coronavirus baharu.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abdul Aziz berkata, tindakan tegas ini adalah melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Menurutnya, lima jenis topeng muka sudah ditetapkan sebagai barangan harga terkawal.

"Lima jenis topeng muka yang dikawal harganya secara perundangan ini adalah di bawah peruntukan akta yang sama.

"Sebarang pelanggaran di bawah peruntukan akta ini boleh dikenakan tindakan undang-undang," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Muez berkata, jika sabit kesalahan seorang individu berdepan dengan hukuman denda hingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya serta boleh dikompaun hingga RM50,000.

"Manakala bagi syarikat pula, mereka boleh didenda hingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

“Perlu diingatkan, Kementerian juga mempunyai kuasa mengambil tindakan terhadap mereka yang menaikkan harga topeng muka selain daripada lima jenis yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP sudah menjalankan pemantauan berterusan dengan mengarahkan pegawai penguatkuasa seramai 2,300 orang untuk membuat pemeriksaan seluruh negara.

“Pihak Kementerian memohon kerjasama dan perhatian pihak yang terbabit dalam pembekalan dan penjualan topeng muka supaya membuat urusan niaga secara berhemah dan mematuhi peruntukan harga maksimum yang ditetapkan.

#### **Lima jenis topeng muka barangan harga terkawal.**

(i) Topeng muka

(pembedahan/perubatan) satu lapisan

(gelung telinga) - Harga borong RM5 sekotak , harga runcit RM7 sekotak

(ii) Topeng muka

(pembedahan/perubatan) 2 lapisan

( gelung telinga) - Harga Borong RM8 sekotak ,

harga runcit RM10 dan RM0.20 sen seunit

(iii)Topeng muka

(pembedahan/perubatan) tiga lapisan

(gelung telinga/gelung kepala) -

harga borong RM25 sekotak,

harga runcit RM0.80 sen seunit

(iv) Topeng muka (pembedahan/ perubatan) tiga lapisan (ikatan pada kepala) - harga

borong RM30 sekotak, harga runcit RM0.80 sen seunit

(v)Topeng muka (pembedahan / perubatan) N95 - harga borong RM100 sekotak,

harga runcit RM6 seunit

**Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 27 January 2020 @ 8:27 PM**

## Tindakan tegas naik harga topeng muka



**Norsyazwani Nasri**  
*am@hmetro.com.my*

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak berkompromi terhadap mana-mana pihak yang menaikkan harga penutup hidung dan mulut di Sarawak.

Ketua Setiausaha KPDNHEP Datuk Muez Abdul Aziz berkata, mereka yang mengambil kesempatan dengan menaikkan peralatan itu secara tidak munasabah ketika orang ramai memerlukannya sebagai langkah keselamatan dan pencegahan wabak koronavirus baharu akan dikenakan tindakan tegas.

"Tindakan tegas ini adalah melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Sehubungan itu, kementerian memohon kerjasama dan perhatian pihak yang terbabit dalam pembekalan dan penjualan penutup hidung dan mulut membuat urus niaga secara berhemah dan mematuhi peruntukan harga maksimum yang ditetapkan kerajaan," katanya menerusi kenyataan media di Kuching hari ini.

Beliau berkata, terdapat lima jenis penutup hidung dan mulut yang ditetapkan sebagai barangan harga terkawal.

"Penutup hidung dan mulut pembedahan atau perubatan yang mempunyai satu lapisan dijual pada harga borong RM5 dan harga runcit RM7 sekotak manakala yang ada dua lapisan harga borong adalah RM8 dan harga runcit RM10 sekotak, sementara 20 sen seunit.

"Bagi penutup sama yang mempunyai tiga lapisan (gelung telinga/gelung kepala), sekotak harga borong adalah RM25 dan harga runcit adalah 80 sen seunit.

“Untuk N95 pula, ia dijual pada harga RM10 untuk borong dan RM6 seunit pada harga runcit,” katanya.

Beliau menegaskan bahawa kelima-lima jenis penutup hidung dan mulut itu dikawal harganya secara perundangan mengikut akta yang sama.

“Sebarang pelanggaran di bawah peruntukan akta ini boleh dikenakan denda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dihukum penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

“Syarikat boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000,” katanya.

Menurutnya, kementerian masih mempunyai kuasa mengambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (bagi sebarang perlakuan menaikkan harga borong atau runcit topeng muka secara tidak munasabah).

“Kementerian menjalankan pemantauan berterusan dengan mengarahkan pegawai-pegawai penguat kuasa seramai 2,300 orang untuk membuat pemeriksaan seluruh negara sejak 25 Januari lalu,” katanya.

**Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 28 January 2020 @ 2:49 PM**

